



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 3 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INSENTIF BERSASAR KURANGKAN BEBANAN SUBSIDI UNTUK PETANI, KOMENTAR, BH-11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	'LABU SEDIM' DURIAN KAMPUNG PREMIUM, KOMUNITI KITA, UM-28	JABATAN PERTANIAN (DOA)
3.	IKAN PATIN, TILAPIA TERPAKSA DIJUAL MURAH, DLM NEGERI, UM-34	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	RUGI RM1.8J AKIBAT TANAH SAWAH JERLUS, DLM NEGERI, UM-31	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	PENGELUARAN PADI 5 MUSIM LONJAK HASIL PESAWAH, NASIONAL, BH-18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	TAWAR DANA RM25J, BISNES, HM-27	AGROBANK
7.	AGROBANK SEDIA SALUR RM25J KEPADA USAHAWAN PKNS, BISNES, BH-25	
8.	PKNS AGROBANK TAWAR PEMBIAYAAN RM25 JUTA, BISNES, SH-28	
9.	PKNS-AGROBANK DEAL ON RM25M ENTREPRENEUR FINANCING, SUNBIZ, THE SUN-13	
10.	HARGA BERAS TEMPATAN KEKAL, NASIONAL, BH-16	LAIN-LAIN
11.	KPDN PERKENAL BAJA RAHMAH, NASIONAL, BH-16	
12.	BAJA RAHMAH TURUNKAN HARGA SAYUR, NEGARA, KOSMO-16	
13.	BAJA RAHMAH BAKAL DIPERKENALKAN, DLM NEGERI, UM-31	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Insentif bersasar kurangkan bebanan subsidi untuk petani

Oleh Dr Chakrin Uthir
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pengukuhan ekosistem agromakanan wajar diangkat sebagai dasar pemisah bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan untuk mendepani isu inflasi makanan, apatah lagi Laporan Bank Dunia baru-baru ini menunjukkan situasi inflasi makanan dunia masih berada pada tahap membimbangkan.

Di negara ini, tahap inflasi makanan kelihatan semakin mereda, namun masih berada di atas paras 5 peratus sehingga Mei lalu. Berbanding jiran serantau, Indonesia dan Thailand, kedua-dua negara itu berjaya memperkuatkan kawalan kepada isu inflasi makanan hingga menyaksikan penurunan tahap inflasi masing-masing kepada paras 1.7 peratus serta 3.4 peratus pada Jun lalu.

Dua faktor luar jangkaan utama dilaporkan mempengaruhi keberkesanan strategi kawalan harga makanan, iaitu perkembangan global dan perubahan cuaca.

Perkembangan global memberikan impak besar kepada pasaran input pertanian. Sebagai contoh, sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya terhadap Russia membawa kepada peningkatan harga baja disebabkan kedudukan Russia sebagai pengeksport baja utama dunia.

Terkini, Kanada yang juga pengeksport baja kedua terbesar dunia berhadapan dengan protes pekerja pelaburan menuntut kenaikan gaji. Keadaan ini menyebabkan syarikat pengeluar baja utama negara itu terpaksa mengurangkan output untuk pasaran global.

Laporan bersama oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan Pertubu-

han Makanan dan Pertanian (FAO) menganggarkan 1 peratus kenaikan harga baja akan mendorong kepada 0.2 peratus peningkatan harga komoditi makanan.

Pekukuh ekosistem agromakanan


Keadaan cuaca tidak menentu di beberapa negara pengeksport utama produk agromakanan juga mendatangkan keresahan. Di Thailand, pengeluaran produk agromakanan dianggarkan akan mengalami kerugian antara 40 bilion baht (RM5.3 bilion) sehingga 64 bilion baht (RM8.5 bilion) disebabkan El Nino. Bagi komoditi beras sahaja, impak dijangka berada antara 7.5 bilion baht (RM960 juta) sehingga 13.3 bilion baht (RM1.8 bilion).

Situasi itu akan memberikan impak besar kepada Malaysia yang bergantung kepada import input pertanian dan produk agromakanan.

Mendepani cabaran ini, pengukuhan ekosistem sektor agromakanan tempatan dilihat sebagai lang-



Dua faktor luar jangkaan utama dilaporkan mempengaruhi keberkesanan strategi kawalan harga makanan, iaitu perkembangan global dan perubahan cuaca



kah wajar, dengan penumpuan kepada pematapan industri sokongan pertanian. Ini membolehkan industri membekalkan input pertanian seperti baja, racun dan makanan ternakan.

Sehubungan itu, pemberian insentif pengeluaran bersasar perlu dipertingkatkan, terutama kepada perusahaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang menghasilkan input pertanian.

Insentif berbentuk kewangan boleh diberikan kepada perusahaan yang sudah lama bertapak dan berdaya maju, manakala insentif daripada aspek khidmat nasihat pula diberikan kepada pengusaha PMKS berhasrat untuk menceburi bidang berkenaan.

Dalam jangka panjang, langkah ini akan membantu mengurangkan kos pengeluaran dan harga input pertanian keluaran tempatan, sekali gus membantu kerajaan mengurangkan bebanan pemberian subsidi dan insentif kepada petani.

Lebih penting, kerajaan akan dapat mengurangkan peruntukan bantuan tunai kepada rakyat terkesan dengan kenaikan harga makanan. Dari sudut ekonomi, situasi ini akan mengalihkan perbelanjaan kerajaan kepada bidang lebih produktif.

Selari dengan usaha ini, kerjasama aktif antara kerajaan negeri, industri dan ahli akademik perlu digiatkan. Pada peringkat nasional, Dasar Agromakanan Negara 2.0 sudah jelas menggariskan hala tuju sektor agromakanan. Sebagai sokongan, kerajaan negeri juga perlu mewujudkan dasar agromakanan masing-masing berpaksaan dan keutuhan negeri.

Di pihak industri, pandangan dan pengetahuan mereka dalam selok-belok ranfahan nilai perlu dirangkumkan dalam dasar berkenaan, manakala dari aspek akademik, golongan itu termasuk dari-pada bidang teknikal dan vokasional perlu berusaha menerimahi hasil kajian mereka sebagai input mampu menjamin kebolehlaksanaan dan keberkesanan dasar berkenaan.

TARIKH

3/8/2023

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

KOMUNITI
KITA

MUKA
SURAT

28



'Labu Sedim' durian kampung premium

DURIAN 'Labu Sedim' dimobatkan sebagai durian kampung premium yang mempunyai nilainya tersendiri dan setanding dengan durian-durian lain yang menjadi buruan penggemar-penggemar raja buah itu.

Pemilikinya, Zaharul Ezri Zanuul, 45, berkata, durian Labu Sedim mempunyai perbezaan dengan buah durian lain kerana bentuknya seperti buah labu, bertangkai panjang, kulitnya kehijauan dan tebal.

"Saya namakannya durian 'Labu Sedim' kerana semua buah yang dihasilkan di kebun saya adalah berbentuk seperti labu dan berasal dari Sedim kerana kebunnya terletak di Kampung Bukit Rawa, Sedim.

"Keistimewaannya ialah rasanya lemak-lemak manis, isinya warna kuning lembut dan ketahanan buah sehingga lima hari berbanding dengan buah lain yang perlu dimakan segera ataupun boleh disimpan hanya dua atau tiga hari sahaja," kata Zaharul Ezri ketika ditemui pada Majlis Pesta Buah dan Makanan Daerah Baling di Taman Awam Baling, Kedah, baru-baru ini.

■ ZAHARUL Ezri Zanuul (tiga dari kiri) menunjukkan buah durian 'Labu Sedim' serta hadiah wang tunai yang dimenangkannya pada Majlis Pesta Buah dan Makanan Daerah Baling di Taman Awam Baling, Kedah, baru-baru ini. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

TARIKH

3/8/2023

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

DALAM
NEGERI

MUKA
SURAT

34

Ikan patin, tilapia terpaksa dijual murah

MARAN: Seorang pengusaha ikan sangkar di Kampung Tanjung Berangan, Chenor di sini terpaksa menjual lebih satu tan ikan patin dan tilapia yang di-ternaknya dengan harga RM16 sekilogram kerana masalah su-ngai cetek kesan fenomena El-Nino yang melanda negara.

Harga itu adalah terlalu ren-dah berbanding harga pasaran ikan tersebut yang dianggarkan antara RM23 hingga RM25 seki-logram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha terbabit, Mohd. Fadzli Abdul Malik, 43, berkata, lapan sangkar ikan miliknya seolah-olah berada di atas daratan kerana paras air sekitar 0.3048 meter akibat dipenuhi pasir sungai.

"Video tular dalam media so-sial yang memaparkan keadaan di kawasan sangkar hasil hanta-iran Chik Asan seorang penyanyi

lagi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Fadzli berkata, masalah kemarau melanda ne-geri ini sejak beberapa bulan lalu memberi kesan kepada banyak pengusaha ikan sangkar kerana paras Sungai Pahang se-makin surut saban hari.

Dia yang lebih dikenali se-bagai Mamat menambah, aki-batnya, banyak ternakan mati kerana peningkatan suhu air berikutan paras air cetek.

Tambahnya, lapan sangkar mi-iknya sudah diangkut ke daratan dan hanya menunggu air Sungai Pahang kembali ke paras biasa dalam tempoh tiga bulan lagi.

"Saya bersedukur dengan sokongan orang ramai yang membeli secara runcit dan bo-rong dapat mengatasi kerugian yang lebih besar," katanya yang berpengalaman menternak ikan sangkar selama enam tahun.



SANGKAR ikan milik Mohd. Fadzli Abdul Malik seolah-olah berada di atas daratan berikutan paras air Sungai Pahang yang semakin cetek akibat fenomena El-Nino di Kampung Tanjung Berangan di Maran, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

lagu-lagu loghat Pahang berjaya menarik perhatian orang ramai yang berpusu-pusu dari Temerloh, Maran, Bera dan Kuantan untuk ke Chenor bagi membo-rong ikan dalam tempoh tiga jam sahaja.

"Saya terpaksa menjual segera ikan patin dan tilapia dengan harga borong iaitu RM16 sekilogram bagi mengelakkan kerugian. Purata berat ikan sekitar setengah kilogram yang sepatutnya matang dua bulan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DLM NEGERI	31

Rugi RM1.8j akibat tanah sawah jerlus

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@rediffmail.com

PARIT BUNTAR: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Piandang mengalami kerugian sebanyak RM1.8 juta apabila hanya 40 peratus daripada 2,460 hektar sawah di mukim itu dapat dituai pada musim pertama penanaman tahun ini. Pengerusinya, Abdul Latif Mat Ali berkata, kerugian itu disebabkan masalah tanah sawah jerlus atau tanah lembut di kawasan kendalian PPK Tanjung Piandang akibat fenomena alam iaitu hujan lebat.

Katanya, masalah itu menyebabkan padi tidak dituai kerana jentera penuai padi terbenam dalam tanah.

Menurutnya, keluasan sawah di bawah kendalian PPK Tanjung Piandang 3,000 hektar, meliputi dua mukim iaitu mukim Tanjung Piandang dan Bagang Tiang.

"Di Mukim Tanjung Piandang seluas 2,460 hektar manakala mukim Bagang Tiang seluas 540 hektar namun hanya 40 peratus sahaja yang dapat dimesin kerana tanah sawah jerlus atau lembut, menyebabkan jentera penuai padi kerap terbenam dalam tanah sawah," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kejadian tanah jerlus atau tanah lembut itu mula berlaku sejak tahun lalu dan pada musim pertama tahun ini ia berlaku lagi dan bertambah teruk.

Katanya, sehubungan itu PPK Tanjung Piandang bercadang mahu merehatkan tanah sawah yang terlibat selama enam bulan atau satu musim daripada aktiviti penanaman padi pada musim depan.

"Cadangan itu untuk memulihkan kembali tanah di kawasan yang terjadinya tanah jerlus supaya tanah kembali keras.

"Kami juga berharap kerajaan dapat memasukkan kejadian tanah jerlus ini ke dalam skim bencana kerana ia berpunca daripada fenomena alam iaitu hujan lebat," katanya.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan pesawah di Kuala Kurau di sini menanggung kerugian besar apabila padi yang sudah masak tidak dapat dituai oleh jentuai tanah sawah yang lembut.

Kerana tanah yang lembut, ada jentuai yang terbenam dalam petak sawah ketika melakukan penuaian.

Ini menyebabkan pesawah yang menghadapi masalah itu terpaksa menggunakan kaedah tradisional bagi mengutip padi mereka yang semakin reput.

Punca kejadian ini disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu pada musim ini hingga tiba musim menuai menyebabkan jentera mesin tuai tidak dapat menuai dalam petak sawah.



JENTUAI yang terbenam akibat tanah jerlus terpaksa ditarik keluar dari sawah menggunakan traktor ketika tinjauan di Tanjung Piandang, Parit Buntar. - UTUSAN/WAK KAMAL ABAS.

Pengeluaran padi 5 musim lonjak hasil pesawah

Arau: Inisiatif kerajaan memperkenalkan pengeluaran padi lima musim dalam tempoh dua tahun bukan hanya merangsang produktiviti padi dan beras negara, namun lebih utama mengangkat martabat ekonomi pesawah negara ini.

Pesawah di Kampung Mengkung Layar, Nordin Dervis, 67, berkata inisiatif diambil kerajaan itu satu usaha baik dan dapat membantu pesawah menjana pendapatan lebih berbanding sebelum ini.

"Namun beberapa perkara perlu diambil kira terlebih dahulu, antaranya soal kesediaan komuniti pesawah untuk menyahut seruan kerajaan itu.

"Di sini (Perlis) kita sudah biasa hanya tanam padi dua kali setahun. Pesawah perlu dapat pernerangan dan bantuan input pertanian sewajarnya, supaya lebih bersedia membuat penanaman padi di luar musim," katanya yang mengusahakan 0.5 hektar sawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini mengumumkan inisiatif Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang mana antara inisiatif diambil kerajaan ialah menambah baik infrastruktur pengairan Kantian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis.

Usaha itu bertujuan meningkatkan produktiviti pengeluaran padi kepada lima musim dalam tempoh dua tahun memabitkan prasarana bernilai RM3 billion.

Kerajaan berperandangan jauh dalam meningkatkan hasil padi negara, bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan



Ezreen Muhaizie Marzuki,
Pengilang padi

Pesawah dari Sanglang, Ghazali Hamid, 70, meskipun bersejua dengan cadangan itu berpandangan pihak berkaitan termasuk MADA perlu melakukan beberapa perkara bagi menjayakannya termasuk menyediakan air yang cukup untuk pesawah.

"Kawasan sawah di luar perairan MADA juga memerlukan jaminan air mencukupi bagi pengairan air ke sawah," katanya yang mengusahakan kawasan sawah seluas 11.5 hektar.

Ghazali berkata, masalah lain juga perlu diambil kira seperti kesepakatan dan kerjasama semua pesawah bagi mengelak sebarang konflik yang hanya merugikan pesawah lain.



Inisiatif kerajaan memperkenalkan pengeluaran padi lima musim dalam tempoh dua tahun merangsang (Foto hiasan)

golongan B40.

"Dari sudut-pengilang padi, ini usaha positif... kerajaan berperandangan jauh dalam meningkatkan hasil padi dalam negara, bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa akan datang.

Sementara itu, Presiden Peratuan Ekologi Malaysia (PEM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata Malaysia mempunyai keupayaan bagi menghasilkan beras mencukupi untuk keperluan negara berbanding kapasiti 65 peratus ketika ini, lantas cadangan memperkenal pengeluaran padi lima kali dalam tempoh dua tahun tepat pada masanya.

Beliau berkata, penggunaan teknologi sesuai dapat menarik minat golongan muda untuk 'turun ke bendang' apabila tanaman padi dapat dijadikan sebagai sebuah industri yang menguntungkan dan menjamin kerjaya.

Ahmad berkata, universiti, institusi penyelidikan padi dan Jabatan Pertanian mesti bersama mendekati petani supaya generasi muda dapat menggunakan kaedah baharu, sebagai pesawah moden.

"Teknologi, kecerdasan buatan (AI), pengetahuan dan kemahiran petani, penting dalam memastikan keadaan yang seimbang dari segi pengeluaran padi, ekonomi dan kesejahteraan petani, serta dalam masa yang sama alam sekitar yang tidak tercemar," katanya.

Beliau berkata, penggunaan teknologi sesuai dapat menarik minat golongan muda untuk 'turun ke bendang' apabila tanaman padi dapat dijadikan sebagai sebuah industri yang menguntungkan dan menjamin kerjaya.

Ahmad berkata, universiti, institusi penyelidikan padi dan Jabatan Pertanian mesti bersama mendekati petani supaya generasi muda dapat menggunakan kaedah baharu, sebagai pesawah moden.

"Teknologi, kecerdasan buatan (AI), pengetahuan dan kemahiran petani, penting dalam memastikan keadaan yang seimbang dari segi pengeluaran padi, ekonomi dan kesejahteraan petani, serta dalam masa yang sama alam sekitar yang tidak tercemar," katanya.

Beliau berkata, penggunaan teknologi sesuai dapat menarik

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2023	HARIAN METRO	BISNES	27

Tawar dana RM25j

PKNS, Agrobank sedia pembiayaan untuk usahawan BizClub PKNS

Oleh Ruwaida Md Zain
bisnes@hmetro.com.my

Shah Alam

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan kerjasama Agrobank menawarkan pembiayaan kepada usahawan di bawah BizClub PKNS membabitkan peruntukan RM25 juta dalam tempoh dua tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas berkata, pembiayaan itu bakal memberikan manfaat kepada kira-kira 8,000 usahawan pelbagai peringkat yang bernaung di bawah BizClub PKNS.

"Jika RM500,000 (dipohon) bagi setiap pinjaman oleh satu syarikat, kira-kira 50 syarikat boleh mendapat manfaat berkenaan.

"Tetapi bagi usahawan yang baru bermula, mereka tidak perlu sehingga RM500,000, mungkin sekitar RM200,000 hingga RM300,000, jadi kita boleh beri kepada lebih ramai usahawan berkelayakan.

"Sekiranya program ini berjaya, maka Agrobank masih bersedia untuk menambahkan lagi peruntukan yang diberikan," katanya selepas menyempurnakan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di ibu pe-

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA PKNS BERSAMA AGROBANK



MAHMUD (dua dari kanan) serta Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) pada Majlis Menandatangani MoU antara PKNS dan Agrobank di Ibu Pejabat PKNS Shah Alam.

- Gambar NSTP/FAZ ANUAR

jabat PKNS, di sini semalam.

Ia ditandatangani oleh beliau dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Katanya, usahawan yang berminat dengan program pembiayaan berkenaan boleh membuat permohonan bermula sekarang.

"Tawaran pembiayaan terbuka kepada mana-mana usaha-

wan atau bakal usahawan mikro yang berdaftar sebagai usahawan PKNS," katanya.

Menurutnya, Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKNS sentiasa menyediakan pelbagai program keusahawanan sebagai platform bagi membantu golongan usahawan di bawahnya bagi membuka jaringan perniagaan.

"MoU ini satu lagi usaha PKNS membantu usa-

hawani di bawah seliaan BPU untuk mendapatkan peluang modal tambahan daripada pembiayaan yang ditawarkan oleh Agrobank bagi meningkatkan produktiviti, sekaligus mampu melipat gandakan keuntungan syarikat.

"Selain sektor pembangunan perumahan dan industri, PKNS sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat khususnya di negeri Selangor yang datang dari pelbagai latar belakang dan klasifikasi pendapatan," katanya.

Pembiayaan bakal beri manfaat kepada 8,000 usahawan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2023	BERITA HARIAN	BISNES	25

Agrobank sedia salur RM25j kepada usahawan PKNS

Langkah bantu usahawan peroleh modal tambahan bagi kembangkan perniagaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Agrobank menyediakan peruntukan sebanyak RM25 juta untuk disalurkan kepada 50 usahawan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dalam tempoh dua tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas, berkata kerjasama dengan Agrobank itu adalah satu lagi usaha PKNS dalam membantu golongan usahawan di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) untuk mendapatkan peluang modal tambahan daripada pembiayaan yang ditawarkan oleh Agrobank.

Katanya, ia adalah sebagai usaha meningkatkan produktiviti serta pengeluaran produk mereka yang sekali gus mampu melipat ganda keuntungan syarikat.

"BPU PKNS sentiasa menyediakan pelbagai program keusahawanan sebagai platform bagi membantu golongan usahawan dibawahnya bagi membuka jaringan perniagaan dalam kalangan mereka serta agensi pembiayaan dan



Mahmud (dua dari kanan) bertukar dokumen Tengku Ahmad Badli Shah pada majlis menandatangani MoU antara PKNS dan Agrobank di Ibu Pejabat PKNS Shah Alam.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

agensi keusahawanan.

"Selain sektor pembangunan perumahan dan industri, PKNS sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat khususnya di Selangor ini yang datang dari pelbagai latar belakang dan klasifikasi pendapatan.

"Justeru itulah PKNS menerusi BPU sentiasa mempelbagaikan program eusahawanan bagi membantu peniaga ini memulakan perniagaan dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara PKNS dengan Agrobank

di sini, semalam.

MoU itu ditandatangani oleh Mahmud mewakili PKNS manakala Agrobank oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Tawar pelbagai pembiayaan

Menerusi kerjasama berkenaan, Agrobank menawarkan pelbagai program pembiayaan antaranya Pemulih Micro Credit, Pemulih Newbiz, Micro Relief Program dan beberapa pembiayaan lain.

Tawaran pembiayaan terbuka kepada mana-mana usahawan ataupun bakal usahawan mikro yang berdaftar sebagai usahawan PKNS.

Mengulas mengenai kerjasama itu Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pihaknya bersedia untuk meningkatkan jumlah pembiayaan berkenaan sekiranya menerima sambutan menggalakkan.

"Inisiatif kolaborasi strategik ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada usahawan khususnya di Selangor untuk mendapatkan modal bagi membina perniagaan mereka.

"Kami yakin dengan kepelbagaian produk pembiayaan di Agrobank, ia dapat memberi solusi kewangan kepada golongan sasaran untuk menceburkan diri khususnya dalam sektor pertanian dan keseluruhan rantaian bekalan makanan," katanya.

Dana bakal beri manfaat kepada 8,000 usahawan di Selangor

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
SHAH ALAM

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Agrobank bagi tawaran pembiayaan kepada usahawan di bawah BizClub PKNS.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas berkata, Agrobank menyediakan sejumlah RM25 juta peruntukan bagi pembiayaan tersebut yang bakal memanfaatkan 8,000 usahawan di bawah naungan PKNS.

Menurutnya, setiap syarikat yang menjalankan produk makanan dan pertanian berpeluang mendapat pembiayaan sehingga RM500,000 melalui usaha sama itu.

"MoU ini merupakan usaha PKNS dalam membantu golongan usahawan di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Usahawan untuk mendapatkan modal tambahan dalam usaha meningkatkan produktiviti serta pengeluaran produk mereka.

"Pembiayaan tersebut juga diharapkan mengembangkan perniagaan usahawan dan membuka peluang untuk mengeksport produk mereka ke luar negara seperti Indonesia dan

Hong Kong," katanya selepas program menandatangani MoU tersebut pada Rabu.

MoU itu ditandatangani oleh Mahmud mewakili PKNS dan Presiden Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin di Ibu Pejabat PKNS.

Kerjasama itu menawarkan pelbagai program pembiayaan antaranya Pemulihan Micro Credit, Pemulihan Newbiz dan Micro Relief. Tawaran itu terbuka kepada usahawan dan bakal usahawan mikro yang berkelayakan.

Beliau berkata, usahawan yang berminat boleh membuat permohonan pembiayaan itu yang mula dibuka hari ini.

"Sekitar 50 usahawan akan menerima manfaat tersebut jika pembiayaan maksimum adalah RM500,000.

"Bagaimanapun pinjaman sesuatu syarikat adalah tidak sama. Lebih banyak usahawan akan dapat dibantu jika pembiayaan yang ditawarkan adalah lebih rendah daripada itu," katanya.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Agrobank menyediakan pembiayaan sejumlah RM25 juta bagi tempoh dua tahun dengan sasaran sehingga RM12.5 juta disalurkan bagi tahun pertama.

"Kita akan tengok pada tahun depan, sekiranya ada permintaan dan keperluan,

PKNS, Agrobank tawar pembiayaan RM25 juta

FOTO: ASRI L. ASWADI SHUKOR



MoU tawaran pembiayaan usahawan disempurnakan Mahmud (kanan) dan Tengku Ahmad Badli Shah di Ibu Pejabat PKNS, Shah Alam pada Rabu.

kita akan tambah lagi dana kepada usahawan-usahawan di Selangor khususnya yang berdaftar di bawah PKNS.

"Kita ada banyak skim dalam Agrobank yang disediakan kepada usahawan mengikut keperluan mereka," katanya.

PKNS-Agrobank deal on RM25m entrepreneur financing

SHAH ALAM: The Selangor State Development Corporation (PKNS) yesterday signed a memorandum of understanding (MoU) with Agrobank in the agency's efforts to provide a variety of financing offers to entrepreneurs under the PKNS BizClub programme.

The MoU involving an offer of RM25 million in entrepreneur financing over a two-year period was signed by PKNS CEO Datuk

Mahmud Abbas while Agrobank was represented by its president and CEO Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin at PKNS headquarters here.

Mahmud said about 50 companies will receive benefits with a maximum allocation of RM500,000 per financing.

"However, we expect more companies to receive the benefits because the amount of funding

depends on the type and size of the business being undertaken," he said at a press conference.

Mahmud said the cooperation that will be handled by the PKNS Entrepreneur Development Division (BPU) will benefit around 8,000 entrepreneurs and individuals who are under the agency's umbrella, in addition to helping them open business networks.

"Today's MoU is another PKNS

effort in helping entrepreneurs under the supervision of BPU to obtain additional capital opportunities from the financing offered by Agrobank to increase productivity and output, thus doubling the company's profits.

"In addition to the housing and industrial development sectors, PKNS always strives to meet the needs of the people, therefore PKNS through BPU always diversifies entrepreneurship programmes to help these traders start businesses and then expand their businesses to a higher level."

Mahmud said BPU is also looking for opportunities to explore foreign markets and bring selected entrepreneurs and their products to the international level, such as Indonesia and Hong Kong.

He said individuals and entrepreneurs who are under the PKNS umbrella and are interested in knowing more about the funding can start enquiring today.

Meanwhile, Tengku Ahmad said the strategic collaboration initiative is expected to benefit entrepreneurs, especially in Selangor to obtain capital to build their businesses.

"We are confident that with the variety of financing products at Agrobank, it can provide financial solutions to target groups to venture into the agricultural sector and the entire food supply chain," he said. — Bernama



Mahmud (seated, centre) and Agrobank and PKNS officials and entrepreneurs at the signing event. —BERNAMAPIC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Lelaki ditahan cuba seludup barang terkawal

Kuching: Pasukan tentera menahan seorang lelaki dan merampas sebuah lori dengan muatan lebih 2,000 kilogram (kg) beras, 2,000kg gula dan 30 kotak minuman keras serta pelbagai barangan makanan yang cuba diseludup di sempadan Malaysia-Indonesia, dekat Serikin.

Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia (1 Divisyen), dalam satu kenyataan berkata, tangkapan dan rampasan berjumlah lebih RM125,000 termasuk sebuah lori tiga tan dilakukan pasukan tentera ketika menjalankan rondaan di lokasi 100 meter dari sempadan, kira-kira jam 3.30 petang semalam.

Katanya, pihaknya menahan sebuah lori yang cuba memasuki Indonesia menggunakan jalan tidak sah.

"Hasil pemeriksaan mendapati seorang pemandu lori lelaki warga tempatan berusia 52 tahun didapati cuba membawa barang terkawal dari Malaysia ke Indonesia," katanya.

Harga beras tempatan kekal



Orang ramai masih boleh mendapatkan beras tempatan pada harga RM2.60 sekilogram. (Foto hiasan)

Kenaikan hanya babit beras import tidak dikawal

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga beras tempatan masih kekal RM2.60 sekilogram, walaupun ada kenaikan harga beras dari Vietnam dan Thailand, susulan tindakan India melarang eksport beras putih bukan basmati.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata harga beras import tidak dikawal dan mengikut harga pasaran.

"Hanya beras tempatan yang dikawal harga RM2.60 sekilogram," katanya semalam.

Sebelum ini BH melaporkan harga gred beras Vietnam lima peratus pecah meningkat sehing-

ga ke tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, iaitu AS\$550 - AS\$575 (RM2,500 - RM3,470) setiap tan, menandakan harga tertinggi sejak 2011.

Pasaran beras Thailand juga mengalami lonjakan harga yang selari. Pada 27 Julai, harga gred beras Thailand lima peratus pecah melonjak AS\$605 hingga AS\$610 (RM2,742 hingga RM2,765) setiap tan, mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh 11 tahun lalu.

Larangan India terhadap eksport beras dikeluarkan pada 20 Julai bertujuan memastikan kesediaan beras domestik yang mencukupi pada harga berpatutan.

India menyumbang lebih 40 peratus daripada eksport beras dunia dan inventori yang rendah dengan pengeluar lain bermakna pengurangan penghantaran boleh menaikkan harga makanan yang sudah meningkat akibat pencero-bohan Russia di Ukraine.



Mohamad Sabu

Beras Vietnam, Thailand cecah harga tertinggi - Dunia 26

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	16



Fuziah menunjukkan harga barangan pada pelancaran Inisiatif Payung Rahmah Pantai Selamat Group di Kuantan, semalam. (Foto Asrol Awang/BH)

KPDN perkenal baja Rahmah

Kuantan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperkenalkan baja Rahmah dalam waktu terdekat sebagai usaha membantu mengurangkan beban petani di negara ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata pihaknya dalam peringkat rundingan akhir dengan beberapa syarikat berkaitan bagi mengeluarkan baja yang berkualiti pada harga berpatutan.

"Tindakan proaktif ini diambil untuk membantu

mengurangkan beban petani sayur dan sawit dari segi kos penanaman, selain mengelakkan kenaikan harga sayur dan minyak sawit di pasaran," katanya.

Fuziah berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Inisiatif Payung Rahmah Pantai Selamat Group di Pasar Raya Fresh Choice Taman Tas di sini, semalam, yang turut membabitkan pengagihan 100 bakul Rahmah kepada golongan memerlukan.

Pasar raya itu turut me-

ngadakan jualan Rahmah selama tiga hari bermula semalam.

Selain itu, Fuziah berkata, Jualan Rahmah Bergerak menerusi konsep 'Kedai Cari Rakyat' di Pahang dijadualkan bermula pada bulan ini di kawasan kekurangan pasar raya.

"Kita menyedari ada golongan tiada kenderaan, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas yang sukar ke pasar raya menyebabkan kita yang perlu menyantuni mereka dengan cara mencari mereka," katanya.

BERNAMA

Inisiatif akan dilancar selepas bincang dengan syarikat pengeluar

Baja Rahmah turunkan harga sayur

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

KUANTAN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperluas inisiatif Payung Rahmah dengan pengeluaran Baja Rahmah sebagai langkah mengurangkan harga sayur di pasaran.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, inisiatif itu akan dilancar tidak lama lagi yang mana sesi libat urus membabitkan pihak-pihak berkaitan kini dalam proses perbincangan peringkat akhir.

Katanya, beliau sendiri sedang membuat libat urus bersama syarikat yang boleh mengeluarkan baja yang baik dengan harga berpatutan.

"Kita dapat maklumat melalui libat urus, kadang-kadang kita diberitahu harga sayur naik kerana berkait dengan harga baja.

"Jadi saya sendiri sedang buat libat urus dengan syarikat pengeluaran baja yang berkualiti pada harga yang bagus dan inisiatif ini kita namakan sebagai Baja Rahmah," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah + Kasih Sayang oleh Pantai Selamat



FUZIAH (dua dari kanan) menyempalakan sumbangan Bakul Rahmah kepada penerima pada Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah Kasih Sayang di Pasar Raya Fresh Choice, Kuantan semalam.

Group di Pasar Raya Fresh Choice di Taman Tas, di sini semalam. Menurutinya, inisiatif itu diharapkan dapat mengawal harga barang makanan meliputi tanaman

dan sayuran sekali gus membantu meringankan tanggungan kos sara hidup rakyat khususnya golongan B40.

Tambahnya, inisiatif ini juga

diharap dapat membantu nasib golongan pekebun kecil dan petani di samping meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.

Ujar Fuziah, inisiatif Jualan Rah-

mah Bergerak menerusi konsep 'Kedai Cari Rakyat' bakal diperluas ke Pahang menjelang September ini khususnya bagi kawasan yang kekurangan pasar raya.

"Sejak dilancarkan di Pulau Pinang pada 16 Jun lalu, KPDN telah melaksanakan lebih 400 Jualan Rahmah Bergerak di seluruh negara.

"Setakat ini sambutan amat memberangsangkan, kalau kita bawa lori 10 tan untuk Jualan Rahmah Bergerak ini, dalam masa tiga jam akan habis, rakyat kini tertunggu-tunggu pula untuk Jualan Rahmah," ujarnya.

Mengenai program semalam, Fuziah memberitahu, KPDN dengan kerjasama Pantai Selamat Group telah melancarkan Pakaj Rahmah dengan harga jimat RM55 bagi 15 barangan terpilih yang bernilai RM70 khusus untuk golongan yang memerlukan bagi menangani isu kos sara hidup.

"Untuk makluman, ayam standard bersih dijual pada harga RM6.39 sekilogram berbanding harga siling iaitu RM9.40 sekilogram, manakala telur ayam gred B pula dijual pada harga RM10 sepapan berbanding harga siling RM12.90 sepapan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DLM NEGERI	31

Baja Rahmah bakal diperkenalkan

KUANTAN: Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melancarkan 'Baja Rahmah' di bawah inisiatif Payung Rahmah dalam tempoh terdekat ini bagi membantu golongan petani di seluruh negara yang terkesan ekoran kenaikan harga bahan tersebut.

Timbalan Menteri, Fauziah Salleh berkata, beberapa siri libat urus berkaitan perkara itu sudah diadakan dengan pemain industri terbabit.

Menurutnya, rundingan bagi mendapatkan pengeluar baja yang dapat membekalkan barangan berkualiti dengan harga terbaik kini di peringkat akhir.

"Inisiatif ini dilaksanakan susulan rungutan daripada golongan petani mendakwa peningkatan harga sayur juga disebabkan dengan harga baja yang semakin mahal.

"Saya sendiri terlibat dalam sesi libat urus dengan syarikat yang boleh mengeluarkan baja yang baik dan mampu milik iaitu baja sawit dan baja campuran. Insya-Allah (sesi) libat urus ini, sampai ke penghujung (di peringkat akhir) tidak lama lagi.

"Selepas semua runding

selesai, kita akan terus lancar baja Rahmah ini, sekali gus dapat mengawal harga sayuran dengan lebih murah," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran inisiatif Payung Rahmah di Pasar Raya Fresh Choice di Taman Tas di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Pantai Selamat Group menyumbangkan 100 Bakul Rahmah mengandungi beras, minyak masak, bihun, makanan dalam tin, minuman berjenama terkenal dan pelbagai barangan keperluan harian bernilai RM100 kepada golongan memerlukan.

KPDN dengan kerjasama Pantai Selamat Group juga melancarkan Pakej Rahmah dengan harga jimat RM55 bagi 15 barangan terpilih bernilai RM70 khusus untuk golongan memerlukan bagi menangani kos sara hidup hingga Oktober ini, manakala Jualan Rahmah membabitkan diskaun sehingga 30 peratus ke atas 24 barangan pula berakhir 4 Ogos ini.

Mengulas lanjut, Fauziah berkata, usaha dilakukan tersebut bagi membantu meringankan beban golongan sasaran khususnya petani dan pekebun kecil di samping meningkatkan pengeluaran tanaman.